

Pensyarah kurang mahir bahasa Inggeris

Oleh Mona Ahmad

KOTA BHARU: Penguasaan bahasa Inggeris yang kurang memuaskan terus menjadi 'duri dalam daging' bagi Kementerian Pengajian Tinggi, apabila kajian terbaru mendapati sebilangan pensyarah universiti awam di negara ini kurang mahir menggunakan bahasa global itu.



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed (**gambar**), berkata maklumat awal hasil kajian yang dibuat sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaya mendapati, penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pensyarah beberapa universiti masih perlu diperbaiki.

Sehubungan itu, pensyarah berkenaan akan dihantar mengikuti kursus dan latihan intensif bahasa Inggeris bagi memantapkan penguasaan bahasa itu.

Mustapa berkata, kajian itu yang diketuai seorang profesor dari universiti itu juga mendapati perlu ada kesinambungan penguasaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara.

"Penilaian penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar universiti kini dibuat menerusi peperiksaan wajib Malaysian University English Test (Muet), tetapi

bagi golongan pensyarah, tiada penilaian dilakukan.

"Bagaimanapun saya masih belum berpuas hati dengan hasil kajian yang diterima, Jumaat lalu. Saya mahu ia dijalankan dengan lebih menyeluruh termasuk menambah sampel membabitkan universiti awam lain.

"Kajian awal itu mendapati penguasaan bahasa Inggeris tenaga pengajar pada tahap memuaskan tetapi perlu dimantapkan. Mungkin kita akan guna kaedah yang digunakan untuk guru Sains dan Matematik di sekolah rendah dan menengah, iaitu menghantar mereka mengikuti kursus intensif bahasa Inggeris.

"Kita tidak boleh menjadi global jika penguasaan bahasa Inggeris masih lemah. Jika kita mahu pelajar universiti menguasai bahasa Inggeris, pensyarah juga perlu menguasai bahasa itu," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Mustapa berkata, usaha untuk memantapkan penguasaan bahasa Inggeris tidak bermakna membelakangkan bahasa kebangsaan, tetapi lebih kepada memenuhi permintaan pasaran kerja terutama graduan universiti awam.

"Ada graduan kita yang mahu bekerja di luar negara dan ia memerlukan penguasaan bahasa Inggeris. Kita tidak boleh lari daripada keperluan yang menjadi kemudahan asas," katanya.

Mengulas isu lain, Mustapa menolak dakwaan terlalu banyak universiti awam yang baru diwujudkan di negara ini boleh menjejaskan kualiti pendidikan negara.

"Memang ada gambaran bahawa kita menubuhkan banyak universiti baru sejak kebelakangan ini. Bagaimanapun, ia tidak benar.

"Hanya dua daripada 20 universiti awam iaitu Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Darul Iman yang baru dibina, selebihnya ialah kolej universiti yang dinaik taraf menjadi universiti sepenuhnya," katanya.

Sementara itu, Mustapa berkata, kerajaan bersetuju menaik taraf Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (INCEIF) kepada universiti, Khamis lalu.

Katanya, universiti itu yang mensasarkan pelajar dalam bidang perkhidmatan kewangan Islam di peringkat pasca siswazah dan profesional, menerima 700 permohonan untuk pengajian tahun depan.